

# Sekitar Perpustakaan

Diselaraskan oleh Shariffah Norlaila Syed Alwi [shariffah@unimap.edu.my](mailto:shariffah@unimap.edu.my)  
dan Shahirah Shafie [shahirab@unimap.edu.my](mailto:shahirab@unimap.edu.my)

## LAWATAN BENCHMARKING KE USM, UTP DAN UPSI



**25 - 26 Julai 2007** Warga Perpustakaan UniMAP telah menganjurkan lawatan penanda aras atau lawatan *benchmarking* ke Universiti Sains Malaysia (USM) Transkrian, Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 25 - 26 Julai 2007. Lawatan ini diadakan khusus untuk mengenal pasti amalan terbaik yang dilaksanakan di Universiti berkenaan dalam aspek kemudahan, koleksi dan perkhidmatan Perpustakaan. Selain berpeluang meninjau dengan lebih dekat perkembangan Perpustakaan di Universiti berkenaan, staf Perpustakaan UniMAP juga berpeluang bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman dengan rakan sejawat mereka.



## BENGKEL PENGKATALOGAN BAHAN


**29 September 2007** Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan Unit Perolehan, Unit Repozitori Digital dan Media, Unit Pemprosesan Teknik dan Unit Bersiri dan Dokumen telah mengikuti Bengkel Pengkatalogan yang dikendalikan oleh **Suhana Md Taha**, Pustakawan Unit Pemprosesan Teknik. Sesi *refresher course* ini menyalurkan maklumat mengenai garis panduan pengkelasan, pengkatalogan bahan dan pemprosesan akhir untuk dipatuhi oleh staf yang terlibat dalam proses berkenaan.

Bengkel ini diharapkan dapat memantapkan ketepatan rekod perolehan dan pengkatalogan bahan di Perpustakaan UniMAP.

## STAF PERPUSTAKAAN CEMERLANG DI SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KE - 32

**16 - 22 Jun 2007** Pada 16 - 22 Jun 2007, Universiti Malaysia Perlis telah menjadi tuan rumah kepada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke-32. Warga Perpustakaan tidak terkecuali dalam mengambil bahagian dalam pelbagai acara sukan yang dipertandingkan. Mereka terdiri daripada **Zulhillizan Othman, Akmal Hafizal Abdul Hadi, Shazmil Yusri Abdul Shukor** dan **Md Nizam Azid** yang terlibat dalam sukan hoki. Pasukan bola sepak juga disertai oleh staf perpustakaan iaitu **Mohd Hamdan Abdul Hamid** manakala **Mohd Shahrul Annuar Alawi** menyertai sukan bola tampar. Selain itu, **Nani Maslina** dalam acara tenpin boling, **Shariffah Norlaila Syed Alwi** dalam acara boling padang dan **Mohd Rizal Md Isa** dalam sukan sepak takraw.

## SUKAN BOLA TAMPAR : SHAHRUL MENYERLAH



**Jun 2007** Ini bukanlah kejayaan tunggal **Mohd Shahrul Annuar Alawi**, Pustakawan Unit Repozitori Digital dan Media dalam menyumbang ke arah kejayaan pasukan bola tampar UniMAP. Pada Jun 2007, beliau dan pasukannya buat pertama kali menjuarai pertandingan bola tampar sempena Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke - 32.



## SELAMAT DATANG, MOHD RIZAL MD ISA DAN A'INOL BADAR OTHMAN


Perpustakaan UniMAP telah menerima dua orang staf baru yang kini menjawat jawatan Pembantu Perpustakaan di Unit Pemprosesan Teknik dan Unit Sirkulasi. Selamat Datang dan Selamat Bertugas !

## PAMERAN PERPUSTAKAAN SEMPENA KONVOKESYEN KE - 2



**Ogos 2007** Sekali lagi Perpustakaan UniMAP menyertai pameran sempena Pesta Konvokesyen Kali ke - 2 yang berlangsung pada 12 - 18 Ogos 2007. Booth Perpustakaan dikunjungi oleh para pengunjung yang ingin melihat item pameran dan menyertai pelbagai pertandingan berorientasikan maklumat seperti Teka Sticker, Who Am I? dan Teka Buku.

## PERPUSTAKAAN MENDEKATI PELAJAR BARU DI PAMERAN SEMPENA MINGGU SUAI KENAL



**1 Julai 2007** Perpustakaan tidak melepaskan peluang mendekati pelajar baru sesi Julai 2007 / 2008 di pameran sempena Minggu Suai Kenal pada 01 Julai 2007 bertempat di Kampung Wai. Pameran ini turut disertai oleh pelbagai Jabatan dan Pusat Pengajian di UniMAP. Perpustakaan menggunakan kesempatan ini untuk memperkenalkan *features* terbaru OPAC dan akses kepada e-Resources. *Booth* Perpustakaan yang berkonsepkan ruang Perpustakaan dan koleksi bahan bacaan di atas rak menarik minat para pelajar dan ibu bapa. Ramai yang menggunakan kesempatan ini untuk bergambar di hadapan poster berkennaan.



## PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN LIBRARY SCAVENGER HUNTS : INTRODUCING AND EXPLORING EBSCOHOST

**November 2007** Seramai 19 orang peserta telah menyertai pertandingan *Library Scavenger Hunts: Introducing & Exploring EBSCOHost* yang diadakan khusus untuk memberi pendedahan mengenai kaedah penggunaan pangkalan data *EBSCOHost*. Pada 6 November 2007, pemenang pertandingan iaitu **Amin Jamain Mohd Khairy**, pelajar tahun pertama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, **Suzaini Sidik**, dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik, **Annuar Ahmad**, staf Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik dan **Nor Azrah Mohamed**, staf Jabatan Bendahari telah menerima ganjaran berupa *pen drive* iaitu sumbangan daripada pihak *EBSCO Publishing, Singapore*.



## LATIHAN PANGKALAN DATA KNOVEL & SPRINGERLINK

**21 September 2007** Perpustakaan dengan kerjasama pihak pembekal iaitu Access Dunia Sdn Bhd telah menganjurkan latihan pangkalan data *Knovel & SpringerLink* di Bilik CAI. Program ini dihadiri oleh staf akademik dan pelajar yang berminat untuk mengetahui secara mendalam mengenai kegunaan dan *features* yang ditawarkan oleh pangkalan data berkennaan.

## NAZIRAH NAIB JOHAN TILAWAH AL-QURAN PERINGKAT UniMAP

**Oktober 2007** Nazirah Zainul Abidin telah muncul Naib Johan Tilawah Al-Quran peringkat UniMAP pada 2 Oktober 2007. Tilawah kali ini turut disertai oleh tiga orang lagi staf Perpustakaan iaitu **Suhana Md Taha**, **Mohd Rizal Md Isa** dan **Royifazulmaldy Zakaria**.



## IQRA' SERTAI PERTANDINGAN NASYID ANTARA JABATAN



**Oktobre 2007** Kumpulan Iqra' yang dianggotai oleh **Azhar Ahmad**, **A'inol Badar Othman**, **Ahmad Farid Md Isa**, **Mohd Fazlullah Mohd Zain**, **Suhana Md Taha**, **Nani Maslina Sulaiman Najidi**, **Rohaya Abdul Rahman**, **Shahirah Shafie**, **Noremie Hashim** dan **Shariffah Norlaila Syed Alwi** telah menyertai Pertandingan Nasyid Antara Jabatan dan Pusat Pengajian pada 3 Oktober 2007. Pertandingan yang diadakan bersempena dengan Sambutan Bulan Ramadhan peringkat UniMAP menyaksikan penyertaan sebanyak 19 pasukan berbanding 14 pasukan pada tahun sebelumnya. Kumpulan Iqra' yang dipimpin oleh **Md. Nizam Azid** telah mempersembahkan lagu "Suci Sekeping Hati".